

Layan kucing bagai 'raja'

Pemilik pulang beraya hantar peliharaan menginap hotel eksklusif



Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Subang

Dilayan bagai 'raja', ramai pemilik kucing yang ingin pulang beraya memilih untuk menghantarkan haiwan peliharaan kesayangan mereka itu ke hotel kucing di sekitar Lembah Klang yang menawarkan penginapan eksklusif dan berkualiti termasuk dilengkapi sistem pendingin hawa.

Pemilik Cats Wonderland, Tengku Nuruddeen Tengku

Mohd Affandi, 31, berkata, hotel kucingnya yang terletak di Subang Bestari sudah menerima 134 tempahan untuk meletakkan kucing sejak awal Ramadhan.

"Tidak sangka permintaan sangat tinggi sehingga saya terpaksa menolak 10 hingga 20 kucing kerana tidak mau mengambil risiko, ditambah risau tempat tidak mencukupi."

"Hotel saya hanya mem-

Caj dinaikkan RM2 berbanding hari biasa
Tengku Nuruddeen
Tengku Mohd Affandi

punyai kira-kira 48 sangkar dan semuanya dibersihkan dua kali seminggu," katanya ketika ditemui di kedai kucing miliknya.

Katanya, setiap kucing yang dihantar ke hotel itu akan dikenakan caj RM15 sehari dengan makanan dan minuman disediakan oleh pihaknya.

"Caj ini dinaikkan RM2 berbanding hari biasa. Sesama Hari Raya nanti, kami akan dibantu oleh tiga lagi kakitangan untuk menjaga kucing."

"Alhamdulillah, permintaan yang tinggi sempena Hari Raya membuatkan kami meminta pelanggan menghantar ke cawangan kedua yang terletak di Puncak Alam.

"Di sana, lebih kurang 60 kucing boleh ditempatkan. Untuk penghantaran, pelanggan boleh menghantar kucing seawal 4 Julai ini dan kami menyediakan perkhidmatan jagaan sementara sehingga dua minggu," katanya.

Sementara itu, isterinya Aina Mardiah Adzmi, 31, berkata, kedai milik bersama



PEMILIK Errul Catscare Palace, Yong Seluwati Alias, 41, memantau kucing yang diletakkan di premisnya.



KHAIRUL Ahmad Saffar, 34, membersihkan tempat kucing.

Beraya jaga 'si bulus'

Subang: Sambutan Aidilfitri kali ini menjadi tahun ketujuh Yong Seluwati Alias, 41, dan suami, Khairul Ahmad Saffar, 34, meraikannya bersama 'si bulus' di hotel kucing milik mereka di Pusat Perdagangan Subang Permai.

Menurut Yong, raya bersama kucing tidak menjadi masalah kerana semua itu adalah tanggungjawab dan atas dasar kasih terhadap kucing.

"Demi keselesaan dan kemudahan pelanggan, kami tidak kasih untuk tidak pulang beraya di kampung halaman."

"Lagipun, kami sayang dan cinta kepada kucing dan menjadi tetamu kerana semua pemilik mereka pulang bercuti," katanya di Errul Catscare Palace di sini.

Menganggap kucing yang dihantar ke pusat jagaan itu juga seperti anak sendiri, katanya, makanan, minuman dan pasir akan disediakan oleh pihaknya.

"Sebab itu, kami mengenakan caj RM20 sehari bagi setiap kucing. Namun, kami juga memberi kelonggaran kepada pemilik untuk menyediakan makanan kucing sendiri kerana risau makanan yang kami bekalkan tidak sesuai dengan kucing yang dihantar."

"Kali ini, kami hanya mengambil 150 kucing untuk dijaga dan ia perlu divaksin oleh pemiliknya dengan penghantaran

bermula 4 Julai ini.

"Makanan dan minuman pula akan diberikan sebanyak dua kali sehari," katanya sambil memberitahu sudah mendapat 110 tempahan.

Yong Seluwati yang juga peguam berkata, idea untuk membuka pusat penjagaan kucing tercetus ketika Aidilfitri 2010.

"Ketika itu, saya mempunyai lebih 20 kucing dan setiap kali balik kampung di Perak untuk perayaan, saya membelanjakan sekurang-kurangnya RM2,000 untuk ditinggalkan di pusat penjagaan kucing," katanya.

"Semakin hari, saya fikir kos akan meningkat jika kucing saya bertambah, jadi saya terfikir untuk membuka pusat penjagaan kucing," katanya.

Dalam pada itu, Khairul berkata, mereka tidak boleh mengambil lebih daripada 150 ekor kerana turut memiliki 70 ekor kucing sendiri pelbagai jenis.

"Pelangan juga kini boleh menghantar kucing untuk penginapan sementara di dua kedai kami yang terletak di Seksyen 13, Shah Alam dan Desa Coalfields, Sungai Buloh," katanya.

Selain Hari Raya, kata Khairul, mereka juga memberikan penjagaan kucing kepada mereka yang menuaikan umrah dan mengerjakan haji.

itu sudah dijalankan hampir dua tahun.

"Perniagaan ini dilakukan kerana minat. Sebab itu, Ai-

dilfitri tahun kedua ini kami masih menerima pelanggan yang menghantar kucing untuk dijaga."

"Kucing itu sudah kami anggap sebagai ahli keluarga dan sanggup beraya bersama mereka," katanya.



Jenis Bilik: Superior
Bilangan Bilik: 27 bilik
Bilangan kucing: 5 bilik
Kemudahan: Berhawa dingin, makanan, minuman dan tamatan permainan kucing.
Harga: RM55 untuk dua ekor kucing

Jenis Bilik: Superior
Bilangan Bilik: 5 bilik
Bilangan kucing: 7 ekor
Kemudahan: Berhawa dingin, makanan, minuman dan tamatan permainan kucing.
Harga: RM22 untuk seekor kucing dan tambahan RM10 untuk kucing kelita dan seterusnya

Jenis Bilik: Superior
Bilangan Bilik: 27 bilik
Bilangan kucing: 5 bilik
Kemudahan: Berhawa dingin, makanan, minuman dan pasir
Harga: RM22 untuk seekor kucing dan tambahan RM10

Jenis Bilik: Superior
Bilangan Bilik: 27 bilik
Bilangan kucing: 5 bilik
Kemudahan: Berhawa dingin, makanan, minuman dan pasir
Harga: RM22 untuk seekor kucing dan tambahan RM10